

4



# E-BULETIN ACIS

## MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkuuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

### MENARIK EDISI KEEMPAT:

**MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:**

**ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,  
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND**

**SEMINAR ANTARABANGSA**

**ICIS, ISPS & IPCIS**

**MEMPERKASA**

**ENTITI**

**KECEMERLANGAN**

**MOU &**

**MOA**

**ACIS &**

**KOMUNITI**



# PROGRAM KOMUNITI: MOTIVASI KEPIMPINAN & TAHSIN IBADAH



[25 Oktober 2023] - Program bersama 140 orang pelajar tingkatan 4, Kolej Vokasional Seksyen 23, Shah Alam ini telah di adakan dengan kerjasama Unit Dakwah, Pejabat Agama Islam Daerah Petaling, Jabatan Agama Islam Selangor. Seramai 20 orang fasilitator daripada ACIS telah terlibat untuk menjayakan program.

Program ini bermatlamatkan untuk memberi motivasi dan kesedaran terhadap pelajar tentang adab dan akhlak dalam aspek kekeluargaan. Selain daripada itu, program juga bertujuan untuk menjelaskan pentingnya memperbaiki dan memperelok ibadah khususnya solat dan mempelajari hukum berkaitan solat dalam situasi yg pelbagai.

Pengisian program meliputi slot Motivasi Keluarga; slot Tahsin Ibadah & Praktikal bacaan solat serta slot Motivasi ibadah. Semoga program bersama komuniti ini dapat lebih menyebar luaskan peranan ACIS bersama masyarakat.





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

- <https://acis.uitm.edu.my>
- korporatacis@uitm.edu.my
- +603- 5544 2650
- acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.